



Jurnal Qiraat

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor
2022, VOL 5, Bil 1, Halaman 27-36

***Dimensi Pelajar Terhadap Penggunaan Medium
Teknologi Dalam Kursus Hafazan Al-Quran
Semasa Covid-19: Kajian Terhadap Pelajar
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)***

***Student Dimensions On The Use Of Technological
Medium In Al-Quran Memory Course During
Covid-19 Pandemic: A Study Of Students Of
Islamic Sciences University Of Malaysia (USIM)***

**Hayati Hussin¹, Abd Rahman Abd Ghani², Abdul Rahim Ahmad³, Muhammad Hafiz Saleh⁴ &
Noor Hafizah Mohd Haridi⁵**

¹Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).E-mail: hayati.hussin@usim.edu.my

²Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.E-mail: abdrahmanghani@fsk.upsi.edu.my

³ Institut Kajian Malaysia & Antarabangsa (IKMAS), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). E-mail: ara@ukm.edu.my

⁴Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). E-mail: mhafiz@usim.edu.my

⁵ Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). E-mail: noorhafizah@kuis.edu.my

Penulis Penghubung: Hayati Hussin, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). E-mail: hayati.hussin@usim.edu.my, No. Tel: (+60) 6 7986705, ext: 6705. ORCID ID: 0000-0003-0209-7208.

ABSTRACT

Recently, the whole world was tested with the covid-19 pandemic and it's effects which continue to this day. Apart from the economy affected by this epidemic, it also has an impact from various aspects such as medicine and health, community social, tourism and travel, psychology and mental health and also has a clear impact in the education and higher education sector. The teaching and learning methods of the Quran memorization course face to face are exchanged online or virtual. The existence of the Covid-19 virus seems to be pushing the world community, including Malaysia, towards a more comprehensive use of digital technology, which indirectly causes a digital surge in Malaysia. Thus, this study aims to explore the dimensions of students on the use of technological medium for the course of



memorization of the Quran during covid-19 by analysis of undergraduate students of USIM. This study is a qualitative study in the form of a case study through Focus Group Interviews (FGI) used because it meets the objectives of the study. The results of the study found that there are four themes that form the basis of the analysis of technology use among undergraduate students at USIM during covid-19, namely the technology medium used by students in T&L sessions to memorize the Quran is through microsoff teams, whatsapp applications and telegram applications. All students, 6 out of 10 students, representing 60% agreed that the advantages of using the medium of technology in PdP memorization of the Quran makes the course easier and more flexible to learn during covid-19. There are 8 out of 10 students, representing 80%, said that the main constraint of T&L through the medium of technology is the weak internet line. As for the remaining students, 2 out of 10 people representing 20% said that the main problem of T&L memorizing the Quran by using the medium of technology is the challenge to repeat the memorization of the Quran and also the lecturers cannot monitor students. This study has important implications for public and private universities as well as tahfiz educational institutions in Malaysia in general towards the formation of a more robust and quality al-Quran generations in mastering al-Quran memorization.

Keywords: technology medium, memorization, focus group interview (FGI), USIM.

ABSTRAK

Mutakhir ini seluruh dunia diuji dengan wabak covid-19 yang kesannya sehingga ke hari ini. Selain daripada ekonomi yang terjejas wabak ini turut memberi impak dari pelbagai aspek antaranya ialah perubahan dan kesihatan, sosial komuniti, pelancongan dan perjalanan, psikologi dan kesihatan mental serta turut memberi kesan yang jelas dalam sektor pendidikan dan pengajian tinggi,. Kaedah pengajaran dan pembelajaran(PdP) kursus hafazan al-Quran secara bersemuka ditukarkan secara atas talian atau maya . Kewujudan wabak Covid-19 seakan-akan mengasak masyarakat dunia termasuk Malaysia ke arah penggunaan teknologi digital secara lebih menyeluruh yang secara tidak langsung menyebabkan satu lonjakan digital di Malaysia. Justeru objektif kajian ini adalah untuk menerokai dimensi pelajar terhadap penggunaan medium teknologi bagi kursus hafazan al-Quran semasa covid-19: analisis terhadap pelajar sarjana muda Universiti Sains Islam malaysia (USIM). Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang berbentuk kajian kes. Temu bual kumpulan fokus (FGD) digunakan dalam kajian ini kerana menepati objektif kajian. Hasil kajian mendapati terdapat empat tema yang menjadi asas kepada analisis penggunaan teknologi di kalangan pelajar di USIM semasa covid-19 iaitu medium teknologi yang digunakan oleh para pelajar dalam sesi PdP hafazan al-Quran ialah melalui microsoft teams, aplikasi whatsapp dan juga aplikasi telegram. Keseluruhan pelajar iaitu 6 daripada 10 orang pelajar iaitu mewakili 60% bersetuju bahawa kelebihan menggunakan medium teknologi dalam PdP hafazan al-Quran menjadikan kursus tersebut lebih mudah dan fleksible untuk dipelajari semasa covid-19. Terdapat 8 daripada 10 orang pelajar iaitu mewakili 80% mengatakan kekangan utama PdP menerusi medium teknologi adalah talian internet yang lemah. Adapun baki pelajar pula iaitu 2 daripada 10 orang mewakili 20% mengatakan masalah utama PdP hafazan al-Quran dengan menggunakan medium teknologi ialah cabaran untuk mengulang hafazan al-Quran dan juga para pensyarah tidak dapat memantau pelajar. Kajian ini memberi implikasi penting kepada Universiti Awamdan Swasta serta Institusi pengajian Tahfiz di Malaysia secara umumnya ke arah pembentukan generasi al-Quran yang lebih mantap dan berkualiti dalam menguasai hafazan al-Quran.

Keywords

Medium teknologi, hafazan, temu bual kumpulan fokus(FGD), universiti Sains Islam Malaysia.



1.0 PENDAHULUAN

Teknologi media merupakan salah satu medium perantaraan yang digunakan untuk menyampaikan maklumat. Teknologi media ini dapat menjadi alat bantu mengajar pensyarah di Universiti Awam yang berkesan dalam meningkatkan kualiti pembelajaran dan prestasi para pelajar. Kajian Kop (2011) menjelaskan bahawa satu sumbangan terbesar teknologi internet dalam dunia pendidikan adalah dari segi penyebaran kandungan pembelajaran tanpa sempadan.

Penggunaan teknologi dalam bidang pendidikan perlu dipertingkatkan terutama dalam penyampaian maklumat dalam sistem pembelajaran semasa kepada pelajar di Universiti Awam oleh para pendidik. Keperluan seperti ini penting selaras dengan kemajuan era pada masa kini iaitu era digital yang di mana para pelajar cenderung untuk berfikir lebih kreatif dan inovatif (Noradilah Aziz 2019).

Teknologi maklumat dan multimedia dalam pendidikan abad ke-21 telah meluas digunakan dikalangan pendidik kerana mampu memberi kesan dalam meningkatkan kualiti PdP. Murid-murid masa kini mempunyai pelbagai cara berinteraksi di dalam persekitaran yang dicipta melalui teknologi digital seperti permainan komputer, telefon bimbit dan dunia maya. Kajian-kajian penggunaan TMK pada peringkat awal kanak-kanak menunjukkan pendedahan kepada komputer multimedia boleh merangsang dan mendorong kanak-kanak belajar dengan lebih baik, cepat dan berkesan (Burnett, 2010; Syarifah Nor & Kamarul Azman, 2011).

Menurut Prof Madya Dr Fariza Puteh-Behak beliau berkata :”Penggunaan teknologi pada peringkat pendidikan tinggi bukanlah sesuatu yang baharu di negara kita. Ia telah banyak dibincangkan sejak tahun 2013 lagi. Namun, kehadiran wabak COVID-19 seakan-akan mengasak masyarakat dunia termasuk Malaysia ke arah penggunaan teknologi digital secara lebih menyeluruh yang secara tidak langsung menyebabkan satu lonjakan digital di Malaysia”. (Fariza Puteh. 2021. Lonjakan Digital Dalam Pendidikan Ketika Pandemik. *Bernama*. 26 Febuari:21).

Pembelajaran dalam talian merupakan satu keperluan penting dalam pendidikan Revolusi Industri 4.0 untuk generasi sekarang. Makanya, pada kala wabak COVID-19 melanda, pertemuan bersemuka antara guru dan pelajar digantikan secara dalam talian melalui aplikasi persidangan video seperti Zoom, Skype, MS Team, Google Hangout, Whatsapp, Google Meet dan macam-macam lagi aplikasi ada disediakan untuk menyokong pembelajaran norma baharu ini. PKP berlanjutan ke PKPB (Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat) yang bermula pada 4 Mei 2020. Walaupun beberapa prosedur operasi standard (SOP) dilonggarkan semasa PKPB, namun untuk pelajar-pelajar, belajar di sekolah mahupun di pusat pengajian masih tidak dibenarkan oleh kerajaan. Maka, pembelajaran dalam talian terus berlangsung bagi menggantikan pertemuan bersemuka. Begitu juga PdP di USIM berjalan secara atas talian bagi semua kursus yang ditawarkan termasuklah kursus hafazan al-Quran (<https://www.usim.edu.my/ms/berita/in-our-words-ms/pembelajaran-dalam-talian-sebagai-norma-baharu/>).

Justeru, para pendidik dan pelajar boleh memanfaatkan cara pengajaran dan pembelajaran baru daripada cara klasik atau tradisi kepada cara terkini sesuai dengan kecanggihan teknologi maklumat yang ada. Oleh yang demikian, fokus kajian ini adalah untuk melihat dimensi pelajar terhadap penggunaan medium teknologi bagi kursus hafazan al-Quran semasa covid-19: analisis terhadap pelajar USIM. Penggabungan sistem pembelajaran tradisional dengan teknologi terkini diharap akan memberi impak yang positif kepada USIM di dalam menangani tahap penguasaan hafazan al-Quran di kalangan pelajar. Ia juga diharap dapat memberi nilai tambah baru dalam PdP hafazan al-Quran dan memudahkan masyarakat untuk menggunakan aplikasi teknologi serta memperkenalkan informasi yang memberi impak yang positif dalam sistem pendidikan semasa.

2.0 PERMASALAHAN KAJIAN

Kaedah pembelajaran tahfiz merupakan salah satu proses dalam pembelajaran tahfiz. Al-Qabisi (1955) menjelaskan kaedah pembelajaran tahfiz menggunakan kaedah talqin (mengajar), takrar (latih tubi), al-mail (cintakan al-Quran) dan al- fahm (kefahaman). Beliau juga menyarankan agar teknik yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran

tahfiz ini ialah teknik menggunakan kepelbagaian pancaindera antaranya mendengar, melihat, membaca dan menulis. Al-Qabisi (1955) juga menjelaskan teknik penilaian di dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz ini seharusnya berlaku dalam bentuk penilaian harian, mingguan, dan penilaian akhir. Kemajuan teknologi masa kini telah berkembang dengan pesat. Perkembangan ini juga mempengaruhi kaedah pengajaran dan pembelajaran aliran tahfiz yang diterap adalah secara bersemuka dan secara atas talian. Dahulunya kaedah ini terpisah di mana pelajar sepenuh masa akan menggunakan pendekatan sistem bersemuka, manakala pelajar pengajian jarak jauh akan menggunakan sistem pembelajaran atas talian (Hanafi,2008). Walaubagaimanapun inovasi kaedah ini telah mula berlaku, di mana kedua-dua kaedah pembelajaran ini telah digabungkan. Gabungan kaedah pembelajaran ini dinamakan pembelajaran hibrid (hybrid learning). Kaedah hibrid dalam aliran tahfiz sesuatu yang baharu kerana ianya seolah-olah berbeza dengan kaedah hafazan legasi Nabi Muhammad s.a.w. yang diperolehi secara bersemuka (talaqqi) daripada guru.

Terdapat kajian lepas yang telah dijalankan oleh Sharini Binti Che Ishak menunjukkan masalah pencapaian murid dalam tahfiz al-Quran seperti dinyatakan oleh Jemali dan Hafidz (2003) iaitu sebanyak 60% daripada pelajar tidak dapat menamatkan hafazan al-Quran mengikut jadual yang telah ditetapkan iaitu 30 juzuk dalam tempoh enam semester. Begitu juga kajian yang dijalankan oleh Hashim (2010) terhadap penilaian pencapaian pelajar tahfiz di Darul Quran dan Maahad Tahfiz Quran Negeri. Beliau mendapati bahawa pencapaian pelajar masih belum mencapai objektif pendidikan tahfiz yang telah digariskan iaitu menghafaz al-Quran dengan lancar, menghafaz al-Quran dengan memahami maksud ayat, menghafaz al-Quran dengan mengetahui asbab nuzul dan menghafaz al-Quran dengan mengetahui pengajaran ayat. Dapatan ujian syafawi pula jelas menunjukkan bahawa pencapaian mereka dalam aspek kelancaran hafazan al-Quran masih lemah. Begitu juga dengan hasil dapatan ujian kefahaman menunjukkan kemahiran pelajar mengeluarkan ayat-ayat tertentu berdasarkan hukum adalah lemah. Selain itu pencapaian pengekal terhadap hafazan turut berada pada tahap yang lemah. Dalam konteks pendidikan tahfiz di peringkat menengah, dapatan kajian Mardhiah sebagaimana yang dipetik oleh Yahaya et al. (2018) menunjukkan hampir separuh pelajar MRSM Ulul Albab tidak dapat menamatkan hafazan sehingga tamat tingkatan 5. Antara faktor yang telah dikenal pasti menjadi punca kelemahan dalam pencapaian tahfiz ini ialah kelemahan dalam kaedah pembelajaran tahfiz serta guru yang masih menggunakan kaedah tradisional dalam proses pengajaran mereka (Abdul Rahim, Borham, Hashim & Hashim, 2008; Hashim, 2010).

Faktor pengurusan masa amat mempengaruhi pelajar aliran tahfiz. Kajian yang telah dijalankan oleh Abdul Hafiz menyatakan kegagalan dalam mengurus masa dalam pembelajaran akan mendatangkan kesan yang negatif kepada seorang penghafaz al-Quran. Penghafaz al-Quran yang tidak mampu untuk mengurus masa secara berdisiplin akan merasa kesuntukan masa untuk menghafaz di samping melakukan kerja-kerja yang lain. Oleh yang demikian seorang penghafaz al-Quran perlulah bijak mendisiplinkan diri dan mencari masa untuk menghafaz dan mengulang.

Tasmik hafazan al-Quran adalah satu kaedah yang berlaku dalam proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran. Proses ini dijalankan secara bermuka atau "face to face". Dalam pengajaran al-Quran, pelajar diminta untuk membaca atau menghafaz dan guru mendengar bacaan tersebut. Kaedah tasmik bacaan ayat al-Quran sesuai digunakan bagi ayat-ayat tilawah dan hafazan. Biasanya pelajar diminta membaca ayat al-Quran di hadapan guru. Jika terdapat kesalahan, guru akan memperbetulkan secara langsung. Selepas itu pelajar akan ditanya tentang hukum-hukum bacaan atau tajwid dan maksud tanda-tanda bacaan dalam ayat-ayat yang dibaca. Melalui aktiviti tasmik secara bersemuka, guru dapat mengetahui pencapaian pelajar, mengenal pasti tahap pencapaian, menyedarkan tentang kesilapan bacaan, meningkatkan kefahaman dan kemahiran individu seterusnya mengklasifikasikan pelajar berdasarkan pencapaian. Sewaktu pasca pandemik COVID-19, pengajaran dan pembelajaran tasmik al-Quran tidak dapat dijalankan secara bersemuka. Alternatifnya, tasmik dijalankan secara atas talian. Namun terdapat beberapa cabaran yang harus dihadapi. Antaranya, pelajar tidak dapat memfokuskan pembetulan yang dibuat oleh guru dan guru tidak dapat mendengar dengan jelas bacaan pelajar serta masalah kebolehpasaran internet.(Ashraf Ismail, Khazri Osman, Nurul Huda Hassan, 2020). Justeru kajian ini dilakukan bagi melihat isu dan kekangan yang dihadapi oleh pelajar sarjana muda USIM terhadap pelaksanaan PdP dalam talian khususnya kursus hafazan al-Quran.



3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang berbentuk kajian kes. Kajian kes dipilih kerana ia dapat menghuraikan satu kes atau fenomena tertentu iaitu aspek penggunaan teknologi di kalangan pelajar yang mengikuti program sarjana muda di Universiti Sains Islam Malaysia. Teknik persampelan yang digunakan ialah persampelan bertujuan iaitu sampel yang dipilih dapat memberikan banyak maklumat serta dapat membantu menjawab persoalan kajian (Patton, 1987). Sampel yang dipilih terdiri daripada pelajar sarjana muda di Universiti Sains Islam Malaysia. Seramai 10 orang pelajar terlibat sebagai peserta kajian yang dapat membantu memberikan maklumat yang banyak tentang kajian ini (Creswell, 2003).

Metode Pengumpulan Data

Penyelidikan kualitatif mempunyai bentuk data yang tersendiri yang berbeza dengan penyelidikan kuantitatif. Data kualitatif yang digunakan dalam kajian ini ialah bentuk temubual, pemerhatian, dan analisis dokumen.

I. Temubual

Temubual dalam dalam kajian ini adalah Temu Bual Kumpulan Fokus (FGD).


Temubual kumpulan fokus (FGD) merupakan teknik pengumpulan data yang baik dalam penyelidikan kualitatif. Kaedah perbincangan FGD merupakan kaedah kualitatif yang popular. FGD ini dijalankan secara individu kepada 10 orang pelajar sebagai peserta melalui edaran google form berikutan penularan wabak Covid-19 masih lagi tersebar. Masa yang diperlukan untuk menjawab soalan kajian yang diedarkan antara 5 hingga 10 minit. Setiap sesi temu bual yang dijalankan akan dikodkan sebagai (TB), diikuti dengan kod pelajar USIM (PU). Adapun pengajaran dan pembelajaran dikodkan sebagai (PdP).

II. Kaedah Pemerhatian

Pengkaji juga menggunakan kaedah pemerhatian di dalam kajian yang dilakukan ini. kaedah pemerhatian ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pemerhatian secara terus (Direct observation) dan Pemerhatian melalui penglibatan (Participant-observation). Kaedah pemerhatian secara terus ini melibatkan pemerhatian secara langsung seperti pengiraan jumlah pelajar yang terlibat dalam PdP hafazan al-Quran di USIM. Teknik ini biasanya tidak melibatkan komunikasi dengan manusia. Kaedah pemerhatian melalui penglibatan pula berasal dari bidang antropologi (kajian tentang kehidupan masyarakat). Pengkaji juga terlibat dengan tenaga pengajar dan pelajar yang terlibat dengan PdP hafazan al-Quran di USIM.

III. Analisis Dokumen

Pengkaji akan menggunakan analisis secara tematik bagi mengenalpasti tema-tema dokumen yang terdapat dalam transkripsi temu bual (Lebar, 2009). Untuk mengenalpasti tema bagi dimensi pelajar terhadap penggunaan medium teknologi kursus hafazan al-Quran semasa covid-19: analisis terhadap pelajar program sarjana muda di Universiti Sains Islam Malaysia, pengkaji akan menentukan berdasarkan soalan temu bual yang dikemukakan kepada peserta kajian. Seorang pakar kualitatif dalam bidang Tahfiz al-Quran juga telah dilantik untuk menjadi interater terhadap tema yang dibina.



Rajah 1: Metode Pengumpulan Data

4.0 HASIL DAN PERBINCANGAN

Analisis dan perbincangan ini memaparkan hasil penemuan kajian berdasarkan temu bual kumpulan berfokus(FGD) yang dijalankan terhadap 10 orang pelajar program sarjana muda di Universiti Sains Islam Malaysia. Dapatan ini telah ditranskripsi daripada soalan-soalan temubual kumpulan fokus(FGD), dikenalpasti tema-tema yang terdapat di dalam temu bual dan laporan berdasarkan kepada data-data yang diperolehi. Terdapat empat tema yang menjadi asas kepada analisis penggunaan teknologi di kalangan pelajar di Universiti Sains Islam Malaysia semasa covid-19 iaitu:

4.1 Tema Pertama: Medium PdP

Berdasarkan FGD yang dilakukan terhadap 10 orang pelajar iaitu PU1 sehingga PU10 kesemua mereka menyatakan bahawa medium yang paling fleksible digunakan dalam kursus hafazan al-Quran di USIM semasa covid-19 ialah melalui medium teknologi. Pelbagai medium teknologi digunakan dalam kursus hafazan al-Quran di USIM. Penggunaan teknologi dalam pendidikan merupakan satu isu yang amat penting. Jika suatu ketika dahulu guru lebih banyak bergantung kepada bahan yang diambil daripada buku teks, akhbar, majalah, buku rujukan dan pelbagai bahan bercetak untuk membantu mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran tetapi kini teknologi telah merubah teknik pengajaran guru di bilik darjah (Vaughan,T,2008; Zaiton, 2006; <https://www.sistemguruonline.my/2016/12/download-rpt-pendidikan-islam-tahun-6.html>). Ini kerana pelajar hari ini bukan sahaja telah banyak didedahkan dengan pelbagai teknologi moden yang serba canggih malah banyak juga yang begitu bergantung kepada teknologi moden tersebut dalam kehidupan harian mereka. Semua pelajar menyatakan bahawa pelbagai medium teknologi yang digunakan dalam kursus hafazan al-Quran yang ditawarkan di FPQS, USIM semasa covid-19. Sebagai contoh PU1,PU5,PU7 dan PU12 mengatakan bahawa medium yang digunakan ketika PdPR adalah melalui MicrosofftTeams. Selain daripada medium microsoft teams PdPR hafazan al-Quran juga dilaksanakan dengan menggunakan alat teknologi yang lain seperti telepon pintar, komputer dan komputer riba. Kenyataan ini disokong dengan dapatan temubual sebagaimana yang dinyatakan oleh PU3, PU4, PU6 dan juga PU8. Tema medium PdPR ini berdasarkan daripada respon pelajar terhadap temubual yang dijalankan.

4.2 Tema Kedua: Kelebihan Teknologi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran(PdP)

Berdasarkan temu bual yang dilakukan terhadap 10 orang pelajar kesemua peserta kajian menyatakan bahawa terdapat banyak kelebihan penggunaan teknologi dalam PdP kursus hafazaan al-Quran di USIM menerusi medium teknologi semasa covid-19. Tema kelebihan teknologi ini berdasarkan daripada respon pelajar terhadap temubual yang dijalankan. Maklum balas ini dikategorikan berasaskan kelebihan teknologi yang dinyatakan oleh pelajar adalah seperti berikut iaitu: [i] Mudah [ii] Fleksible.



i. Mudah

Pelajar sarjana muda USIM merasakan PdP kursus hafazan al-Quran dengan kepelbagaian penggunaan medium teknologi menjadikan kursus ini mudah untuk dilaksanakan. Mereka juga mengatakan dengan menggunakan medium teknologi segala maklumat berkaitan kursus ini mudah menjadi lebih mudah. Sebagai contoh PU2 berkata “dapat digunakan di mana sahaja.”. Pelajar juga mengatakan bahawa PdP secara online amat mudah dihadiri oleh pelajar dan juga pensyarah. Pernyataan ini disokong dengan dapatan temubual sebagaimana yang dinyatakan oleh PU6 menyatakan “memudahkan pelajar untuk tasmik hafazan dengan pensyarah” dan PU8 pula berkata “lebih mudah memberi tumpuan kerana skrin luas”. PU3 pula menyatakan PdP hafazan al-Quran dengan menggunakan medium teknologi menjadikan suasana pembelajaran kursus ini lebih menarik.

ii. Fleksible

Pelajar sarjana muda USIM berpendapat bahawa PdP kursus hafazan al-Quran dengan menggunakan kepelbagaian medium teknologi menjadikan kursus ini lebih fleksible. Pernyataan ini disebut oleh PU9, beliau berkata: “waktu fleksible”. Mereka juga mengatakan dengan menggunakan medium teknologi menjadikan mereka mudah untuk tasmik hafazan walau di mana sahaja. Pernyataan ini disokong oleh PU10 menyatakan “dapat tasmik walau di mana-mana pun”. Pelajar juga mengatakan bahawa mereka dapat mengurangkan rasa debaran untuk menghafaz. Pernyataan ini disokong dengan dapatan temubual sebagaimana yang dinyatakan oleh PU2 “Kurang berdebar apabila merakam hafazan”.

4.3 Tema Ketiga: Kekangan Teknologi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran(PdP)

Berdasarkan temu bual yang dilakukan terhadap 10 orang kesemua peserta kajian menyatakan bahawa terdapat beberapa kekangan yang terpaksa dihadapi oleh mereka apabila kursus hafazan al-Quran ini diajar dengan menggunakan medium teknologi semasa covid-19. Tema kekangan teknologi ini berdasarkan daripada respon pelajar terhadap temubual yang dijalankan. Maklum balas ini dikategorikan berasaskan beberapa kekangan yang dinyatakan oleh pelajar adalah seperti berikut iaitu: [i] Gangguan internet [ii] Cabaran mengulang

i. Gangguan internet

Berdasarkan respon pelajar sarjana muda USIM kepada pernyataan pada berhubung kekangan penggunaan teknologi dalam PdP kursus qiraat di USIM menerusi medium teknologi, kebanyakan pelajar bersetuju dengan pernyataan pada mereka mengatakan bahawa pelaksanaan PdP secara dalam talian ini mudah dan fleksible. Walaubagaimanapun, mereka mengakui masih terdapat kekangan dan halangan yang perlu ditangani terutamanya isu berkaitan capaian internet. Kebanyakan pelajar menghadapi kekangan yang sama iaitu masalah capaian internet. Sebagai contoh PU1 berkata “masalah internet”. PU2 pula berkata “Internet kurang membantu”. Pernyataan ini disokong dengan dapatan FGD bersama pelajar PU4 mengatakan “Capaian internet yang tidak stabil”. Adapun PU5 pula berkata: “Talian internet yang tidak memuaskan menyebabkan bacaan hafazan kurang jelas”.

ii. Cabaran mengulang.

Pelajar sarjana muda USIM berpendapat juga meluahkan bahawa di antara kekangan yang mereka hadapi apabila PdP kursus hafazan al-Quran dijalankan menggunakan medium teknologi menjadi satu cabaran bagi mereka untuk mengulang. Sebagai contoh PU7 berkata: “Cabaran untuk mengulang”. Pelajar juga mengatakan bahawa PdP melalui medium teknologi menjadikan pensyarah sukar untuk memantau para pelajar. Pernyataan ini disokong dengan dapatan temubual sebagaimana yang dinyatakan oleh PU3 iaitu “Tidak dapat memantau pelajar”.



4.4 Tema Keempat: Penambahbaikan Pengajaran dan pembelajaran(PdP) Menerusi Medium Teknologi

Berdasarkan temu bual yang dilakukan terhadap 10 orang kesemua peserta kajian menyatakan bahawa penggunaan medium teknologi dalam kursus hafazan al-Quran yang ditawarkan perlu ditambahbaik. Capaian internet yang baik dan stabil perlu dipertingkatkan. Pernyataan ini disokong oleh respon yang diberikan oleh PU2, beliau berkata “melanggan internet serta gunakan kemudahan yang diberikan oleh kerajaan”. PU4 pula berkata “menambah baik kualiti talian internet di seluruh negara”. Walaupun kebanyakan pelajar mengatakan bahawa penggunaan teknologi dalam PdP kursus hafazan al-Quran menerusi medium teknologi semasa covid-19 banyak membantu mereka mempelajari kursus ini tetapi terdapat juga pelajar yang memberi respon bahawa PdP menerusi medium teknologi perlu dijalankan bersemuka secara bergilir-gilir. Pernyataan ini disokong dengan dapatan temubual sebagaimana yang dinyatakan oleh PU9, beliau berkata: “diselang-selikan pembelajaran secara online dan offline supaya dapat mengatasi masalah jika tiada internet yang stabil.”

Penggunaan medium teknologi bagi kursus hafazan al-Quran semasa covid-19 di USIM berdasarkan kajian yang telah dijalankan ialah menerusi medium microsoft teams, telefon pintar, komputer dan komputer riba . Semua pelajar bersetuju penggunaan teknologi sebagai medium PdP ketika covid-19 adalah fleksible. Pelajar juga bersetuju bahawa penggunaan medium teknologi dalam PdP mempunyai kelebihan dan juga kekangan. Terdapat empat tema utama yang menjadi asas kepada analisis penggunaan teknologi di kalangan pelajar di USIM semasa covid-19. Semua Pelajar menyatakan medium microsoff teams, telefon pintar dengan menggunakan aplikasi whatsapp dan telegram, komputer dan komputer riba juga merupakan platform teknologi yang digunakan dalam kursus hafazan al-Quran semasa covid-19. Pernyataan ini disokong dengan dapatan FDG sebagaimana yang dinyatakan 3 orang pelajar iaitu mewakili 30% mengatakan medium teknologi yang digunakan di USIM bagi kursus hafazan al-Quran semasa covid-19 adalah medium microsoff teams. 4 orang pelajar pula iaitu mewakili 40% mengatakan medium teknologi yang digunakan dalam kursus ini adalah melalui telefon pintar dengan menggunakan aplikasi Whatsapp dan telegram. 3 orang pelajar pula iaitu mewakili 30% daripada jumlah keseluruhan mengatakan medium teknologi yang digunakan ialah komputer dan komputer riba.

Kebanyakan pelajar bersetuju bahawa mempelajari kursus qiraat melalui medium teknologi mempunyai banyak kelebihan. Mereka mengatakan dengan penggunaan medium teknologi menjadikan PdP qiraat lebih mudah dan lebih fleksible. Pernyataan ini disokong dengan dapatan FGD sebagaimana yang dinyatakan oleh 4 daripada 10 orang pelajar iaitu mewakili 40 % mengatakan PdP menjadi lebih mudah Manakala 6 daripada 10 orang pelajar mewakili 60 % mengatakan PdP lebih fleksible. Berdasarkan respon pelajar sarjana muda USIM berkaitan penggunaan teknologi PdP bagi kursus hafazan al-Quran, mereka menyatakan terdapat beberapa kekangan yang terpaksa dilalui oleh mereka. Pernyataan ini disokong dengan dapatan FGD bersama pelajar terdapat 8 daripada 10 orang pelajar iaitu mewakili 80% mengatakan kekangan utama PdP menerusi medium teknologi adalah talian internet yang lemah. Adapun baki pelajar pula iaitu 2 daripada 10 orang mewakili 20% mengatakan masalah utama PdP hafazan al-Quran dengan menggunakan medium teknologi menjadi cabaran untuk mengulang hafazan dan pensyarah tidak dapat memantau pelajar.

Selain daripada itu semua pelajar mencadangkan agar penggunaan medium teknologi dalam kursus hafazan al-Quran yang ditawarkan perlu ditambahbaik. Capaian internet yang baik dan stabil perlu dipertingkatkan Pernyataan ini disokong dengan dapatan FGD bersama pelajar terdapat 10 daripada mewakili 100% memberi respon yang sama iaitu mencadangkan agar membuat penambahbaikkkan kualiti capaian internet agar kursus hafazan al-Quran menjadi lebih mudah dan efektif serta fleksible agar dapat melahirkan pelajar yang berkualiti dari sudut bacaan dan hafazan al-Quran di USIM.

5.0 KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan terdapat kelebihan dan kekurangan terhadap medium teknologi di dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi kursus hafazan al-Quran yang di tawarkan di USIM. Di antara kelebihan berdasarkan FGD



yang dilakukan bersama pelajar di DQ dalam menggunakan medium teknologi ini ialah menjadikan kursus hafazan al-Quran lebih mudah dan fleksibel. Faktor kekangan yang paling utama yang dihadapi oleh pelajar seperti masalah capaian internet dan cabaran untuk membuat ulangan al-Quran. Pensyarah juga sukar untuk memantau para pelajar berbanding sesi PdP kursus hafazan al-Quran dijalankan secara bersemuka. Isu ini perlu diatasi dengan lebih bijak. Pelaksanaan PdP melalui medium teknologi amat memerlukan kesabaran yang tinggi dari pihak pelajar, pensyarah, dan ibubapa. Pelaksanaan PdP secara berterusan perlu dilaksanakan dengan pelbagai alternatif walau dalam apa situasi bagi memastikan proses PdP kursus hafazan al-Quran tetap berjalan. Proses ini memerlukan kerjasama dari semua pihak iaitu pelajar, pensyarah, dan ibubapa. Penggunaan medium teknologi perlu dilihat dari sudut yang positif kerana PdP yang dijalankan lebih bersifat sendiri yang perlu kepada disiplin yang tinggi bagi pelajar menguasai hafazan al-Quran.

RUJUKAN

- Abd Rahman Abd Ghani et al. 2012. 'Kurikulum Pengajian dan Permasalahan Qiraat di KUIS: Kajian di Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat'. Jurnal Pengajian Islam. Selangor: Unit Pembangunan dan Penyelidikan, Akademi Islam KUIS
- Abdul Hafiz Bin Haji Abdullah dan Nursafazilah Binti Maksom. 2016. Sistem Pengajaran dan Pembelajaran Madrasah Tahfiz al-Quran Darul Ta'alim, Kg Tengah Kluang. Dlm.
- Ahmad Khalid Shukriy; Muhammad Khalid Mansur; Ahmad Muhammad Maflah al-Qadah, *Muqaddimat Fi Ilm al-Qiraat*, 1433H/2012M, Dar 'Umar, cet 4, hlm. 137.
- Al-Fayruz Abadi, 'Qara'a', 1419H/1998M. Al-Qamus al-Muhiṭ. Beirut: Mua'ssah al-Risalah.
- Ashraf Ismail, Khazri Osman, Nurul Huda binti Hassan, 2020, Cabaran Pengajaran Dan Pembelajaran Tasmik Hafazan Al-Quran Secara Atas Talian Sewaktu Pandemik Covid-19, Bicara Dakwah Kali Ke 21: Dakwah Dalam Talian Semasa Pandemik.
- Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri dan Misnan Jemali, 2013. Latar Belakang Guru Tahfiz Dan Amalan Kaedah Pengajaran Tahfiz Al-Quran Di Malaysia. The Online Journal of Islamic Education. Vol. 1 Issue 1 28-39.
- Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri, Misnan Jemali dan Mohd Aderi Che Noh. 2014. Kaedah Pembelajaran Tahfiz dan Hubungannya dengan Pencapaian Hafazan Pelajar. Journal of Al-Quran And Tarbiyyah. Vol 1(1) : 9-16.
- Burnett, C. 2010. Technology and literacy in early childhood educational settings: A review of research. Journal of Early Childhood Literacy 10 (3): 247-270.
- Fariza Puteh. 2021 Lonjakan Digital Dalam Pendidikan Ketika Pandemik. Bernama. 26 Febuari:21. <https://www.usim.edu.my/ms/berita/in-our-words-ms/pembelajaran-dalam-talian-sebagai-norma-baharu/>.
- Kop, R. 2011. The Challenges to Connectivist Learning on Open Online Networks : Learning Experiences during a Massive Open Online Course.
- Noradilah Binti Aziz & Lai Wei Sieng. (2019) Impak Pendidikan Berasaskan Teknologi Terhadap Peningkatan Prestasi Pelajar di UKM. Jurnal Personalia Pelajar 22(1): 69-75
- Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif*, 2012, Univision Press Sdn.Bhd, Selangor, Cet.4. hlm.7.
- Razali Nor. (1995). Teknologi Pendidikan : Media Unjuran dan Media Elektronik. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rozinah Jamaludin. (2005). Multimedia dalam Pendidikan. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Saleh, M. H., Hussin, Z., Ismail, Z., Abd Ghani, Z., Yusoff, A. M., & Hussin, H. (2017). Developing an effective Quran memorization technique using Fuzzy Delphi method. AlQanatir International Journal of Islamic Studies, 7(1), 10- 15.



Sharifah Nor Puteh, and Kamarul Azman Abd Salam. (2011). Tahap kesediaan penggunaan ICT dalam pengajaran dan kesannya terhadap hasil kerja dan tingkah laku murid prasekolah Jurnal Pendidikan Malaysia, 36 (1). pp. 25-34. ISSN 0126-6020 / 2180-0782.

Sya[^]ban Muhammad Isma[^]il. 1420H/1999M. *Al-Qiraat Ahkamuha wa Masdaruha*. Kaherah: Dar al-Salam.

Vaughan, T. (2008). *Multimedia : Making It Work*. New York: McGraw- Hill Tecnology Education.

Zainora Daud dan Mustaffa Abdullah. 2014. Keberkesanan Kurikulum Qiraat Di Kalangan Pelajar Darul Quran: Satu Tinjauan Awal. E – Journal Of Arabic Studies And Islamic Civilization. Bil.1, No.169-180.

Zainora Daud etal, 2015. Pembelajaran Kurikulum Qiraat: Satu Kajian terhadap Persepsi Pelajar Syukbah Qiraat di DQ dan MTQN. Jurnal Sultan Alauddin Shah. Vol 2. bil.1. No. 1-8. Selangor: Penerbit Pusat Pengajian Teras, KUIS.

Zainora Daud, Jurnal Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa (Jfatwa). 2018. Pengajian Qiraat Di Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Usim: Analisis Terhadap Tahap Kefahaman Qiraat.,No 288-300

Zaiton Mat Deris. (2006). Keberkesanan Penggunaan Multimedia dalam Pengajaran Aqidah Tingkatan 2. Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.